

Alternatif Pembangunan Tanah Terbiar Melalui Pengenaan Cukai

Dr. Norhidayah Binti Md Yunus (Ketua Projek)
Prof. Sr. Dr. Hishamuddin Bin Mohd Ali
Dr. Ainur Zaireen Binti Zainudin
Prof. Madya Dr. Muhammad Najib Bin Mohamed Razali
Dr. Nurul Syakima Binti Mohd Yusoff
Dr. Fatin Afiqah Binti Md. Azmi
(Universiti Teknologi Malaysia)

ABSTRAK

Tanah terbiar merupakan satu masalah yang banyak berlaku di Malaysia. Tanah terbiar memberi kesan kepada negara dan masyarakat dalam aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Terdapat beberapa negara yang menggunakan pendekatan pengenaan cukai ke atas tanah-tanah terbiar. Beberapa negara tersebut yang mengenakan cukai tambahan ke atas tanah terbiar adalah seperti Jepun, Kenya, dan Filipina. Malaysia belum melaksanakan cukai tambahan ke atas tanah terbiar. Kajian ini dilakukan bagi mencapai 3 objektif kajian iaitu: 1) Mengenal pasti kaedah-kaedah pengenaan cukai ke atas tanah terbiar 2) Mengkaji kebolehlaksanaan pengenaan cukai tanah terbiar dan 3) Menghasilkan kerangka pengenaan cukai ke atas tanah terbiar. Oleh itu, kajian ini mempunyai keperluan untuk dilaksanakan untuk menghasilkan kerangka pengenaan cukai ke atas tanah terbiar sebagai alternatif untuk membolehkan tanah terbiar dibangunkan oleh pemiliknya. Kajian akan dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Data primer akan dikutip melalui temubual dan perbincangan kumpulan fokus. Responden temubual terdiri daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Agensi Lembaga Kemajuan Wilayah, Jabatan Pertanian, Pejabat Tanah dan Daerah Johor dan Ketua Kampung atau Penghulu. Data daripada temu bual ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik dan kuasi bagi membentuk kerangka pengenaan cukai tanah terbiar di Malaysia. Kerangka yang dibentuk ini akhirnya dimuktamadkan dan disahkan melalui perbincangan kumpulan fokus dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Jabatan Pertanian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Johor, PTD Johor serta Pegawai Daerah Setiu. Hasil kajian dijangkakan akan dapat membantu membangunkan satu kerangka pengenaan cukai tanah terbiar iaitu dengan mengenakan cukai ke atas tanah terbiar sebagai alternatif untuk mendesak pemilik tanah bagi membangunkan tanah pertanian mereka. Secara tidak langsung dapat menghasilkan keunikan kepada negara dalam meningkatkan keperluan hasil ekonomi dan sekuriti makanan.